

# UiTM juara 'Inovasi dalam Kampus' Bosch

Oleh Basir Zahrom

basir\_zahrom@bh.com.my

► Petaling Jaya

**P**asukan InteractSys dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) muncul juara dalam cabaran 'Inovasi dalam Kampus' Bosch Malaysia 2015, baru-baru ini.

Pasukan yang diwakili Ahmad Syahmi Abdul Rahim, Nuramalina Mohd Radzi dan Mohamad Naim Jamalluddin itu mengagumkan hakim menerusi idea inovasi sistem InteractSys dan Myo Armbands bagi meningkatkan kecekapan penggunaan tenaga dan keselamatan dalam kampus.

Ketua pasukan, Ahmad Syahmi, berkata pertandingan itu mencabar keupayaan mereka menghasilkan ciptaan yang menepati kehendak penganjur.

Katanya, kemenangan itu berkat kerjasama erat ahli pasukan bagi merealisasikan impian menjadikan kampus UiTM sebagai kampus mesra alam.

"Sasaran kami bukan sekadar membangunkan prototaip, malah memastikan inovasi ini mampu memberi impak menyeluruh kepada semua warga kampus khususnya pelajar," katanya.

Tempat kedua diraih pasukan Seek for Change dari Monash University dengan ciptaan idea Pas Pelajar dalam bentuk jam tangan, manakala ketiga, pasukan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menerusi idea Seterika Penganasan Haba.

## Latihan industri

Juara menerima hadiah wang tunai sebanyak RM3,000, peluang menyertai latihan industri bersama Bosch, trofi serta sijil penyertaan. Naib juara dan ketiga, masing-masing membawa pulang RM2,000 dan RM1,000 berserta sijil.

Hadiah kepada pemenang disampaikan oleh Pengarah Urusan Bosch Malaysia yang juga ketua hakim pertandingan, Simon Song.

Sementara itu, Simon berkata, beliau kagum dengan idea dibentangkan pasukan InteractSys kerana kumpulan itu bukan sahaja kreatif dalam menggabungkan komponen Bosch melalui produk Alat Kuasa Bosch dan Dremel, malah berjaya menghasilkan penyelesaian berdaya maju dan praktikal.

"Pasukan InteractSys layak dinobatkan sebagai juara johan kerana konsep mereka merangkumi nilai teras inovasi Bosch," katanya.



Aksi pasukan UKM ketika sesi pembentangan.



Simon (tengah) bersama pasukan InteractSys UiTM yang menjuarai cabaran 'Inovasi dalam Kampus' Bosch Malaysia 2015.